



Perkhidmatan Bagi Manusia

## PERATURAN PERTANDINGAN PERTOLONGAN CEMAS DAN PERAWATAN ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA, NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2010

---

### 1. Pembentukan Pasukan:

- 1.1. Pertandingan ini diadakan pada setiap tahun dan terbuka kepada semua Kawasan/ Bahagian Pendidikan Guru/Kor/Divisi di bawah St. John Ambulans Malaysia, Negeri Pulau Pinang. Pertandingan ini dibahagikan kepada empat (4) kategori seperti berikut:
  - 1.1.1. Kategori Ambulans Dewasa (*Umur 16 Tahun keatas pada 14hb Mac 2010*)
  - 1.1.2. Kategori Perawatan Dewasa (*Umur 16 Tahun keatas pada 14hb Mac 2010*)
  - 1.1.3. Kategori Ambulans Kadet
  - 1.1.4. Kategori Perawatan Kadet

Sila rujuk kepada Peraturan Am St. John Ambulans Malaysia yang menentukan umur Ahli Dewasa [Bab 2.2(a)] dan Ahli Kadet [Bab 2..31(b)].

- 1.2. Semua Divisi adalah dipelawa untuk menghantar satu (1) atau lebih pasukan bagi setiap kategori.
- 1.3. Setiap pasukan mengandungi lima (5) orang peserta termasuk seorang peserta simpanan. Peserta simpanan tidak akan mengambil bahagian dalam mana-mana ujian pertandingan kecuali ujian bertulis. Sekiranya salah seorang daripada empat (4) orang ahli pasukan asal uzur, peserta simpanan ini akan menggantikan kekosongan tersebut.
- 1.4. Doktor, Pelajar Perubatan, Pembantu Perubatan, Jururawat Terlatih atau Jururawat Latihan Khas, Jururawat Pelatih, Emergency Medical Technician (EMT), Jurulatih SJAM dan semua bekas Ketua Pasukan Kategori Dewasa tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam pertandingan ini.
- 1.5. Peserta yang terkanan sekali dalam setiap pasukan akan menjadi Ketua Pasukan. Sekiranya lebih daripada seorang peserta mempunyai pangkat yang sama, maka Ketua Pasukan hendaklah ditentukan dan dicatatkan di dalam borang penyertaan rasmi. Ketua Pasukan ini wajib kekal bagi semua ujian dalam pertandingan.
- 1.6. Nama-nama peserta (termasuk peserta simpanan) hendaklah dimasukkan ke dalam borang pendaftaran pertandingan dan dihantar kepada Setiausaha Kehormat, Jawatankuasa Pengelola Pertandingan selewat-lewatnya pada 5hb Mac 2010.

### 2. Pertukaran Peserta:

- 2.1. Pasukan yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan pada tahun lepas dibenarkan mengambil bahagian dalam kategori yang sama dengan syarat Ketua Pasukan dan seorang ahli lain yang bukan peserta simpanannya digantikan dengan ahli-ahli baru.
- 2.2. Seseorang peserta hanya dibenarkan mewakili Divisi tidak lebih daripada dua (2) tahun berturut-turut dalam satu-satu kategori.

- 2.3. Sekiranya sesuatu yang berlaku (sakit, hal-hal peribadi dsb), permohonan pertukaran peserta hendaklah dibuat kepada Ketua Marsyal Pertandingan sebelum pertandingan itu dimulakan. Peserta simpanan akan menggantikan kekosongan tersebut.
- 2.4. Ahli-ahli Dewasa dan ahli-ahli yang pernah mengambil bahagian dalam Kategori Dewasa di mana-mana peringkat pertandingan adalah dilarang menjadi peserta pasukan Kadet.

### **3. Pakaian:**

- 3.1. Semua pasukan pertandingan hendaklah berpakaian seragam seperti yang ditetapkan di dalam Buku Peraturan-Peraturan Pakaian Seragam St. John Ambulans Malaysia tertakluk kepada segala pindaan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Kebangsaan.
- 3.2. Pingat-pingat tidak boleh dipakai semasa pertandingan dijalankan.
- 3.3. Markah untuk pakaian seragam hanya akan diberi semasa Ujian Pakaian Seragam sahaja.
- 3.4. Peserta-peserta pertandingan tidak dibenarkan menanggalkan mana-mana bahagian pakaiannya untuk diguna-pakai semasa ujian Kes Pendek/Panjang dan Perawatan.

### **4. Kecekapan:**

- 4.1. Semua peserta pertandingan diwajibkan mempunyai sijil-sijil (Pertolongan Cemas /Perawatan) yang belum luput dan mesti lulus peperiksaan semula pada tahun sebelumnya.

### **5. Buku Rujukan untuk Pertolongan Cemas dan Perawatan:**

- 5.1. Perkara-perkara yang akan diuji dan diberikan markah adalah selaras dengan Peraturan 8.1. dan 8.2.
- 5.2. Pemberian markah akan diberi berdasarkan kepada buku-buku seperti berikut:
  - 5.2.1. First Aid Manual (8th Edition)/Pertolongan Cemas (Edisi Ke-8). Prosedur CPR hendaklah ikut arahan yang dikeluarkan oleh Bahagian Latihan Ibu Pejabat Kebangsaan.
  - 5.2.2. Caring For The Sick/Panduan Perawatan.

### **6. Pengadil:**

- 6.1. Hakim-Hakim Pertandingan akan dilantik oleh Jawatankuasa Teknikal untuk menjalankan kesemua ujian pertandingan. Para Hakim akan terdiri daripada:
  - 6.1.1. Ujian Pertolongan Cemas - Pegawai Perubatan Berdaftar / Pembantu Perubatan / Jurulatih Kanan SJAM.
  - 6.1.2. Ujian Perawatan - Pengajar Jururawat / Ketua Jururawat / Jururawat (SRN)
  - 6.1.3. Ujian Kawat Kaki - Jurulatih Kawat Angkatan Tentera Malaysia / Pegawai SJAM
  - 6.1.4. Ujian Bertulis - Pegawai Perubatan Berdaftar/ Jururawat (SRN)
  - 6.1.5. Ujian Pakaian Seragam - Pegawai St. John Ambulans Kanan

### **7. Taklimat Pertandingan:**

- 7.1. Satu taklimat untuk semua pasukan pertandingan akan diadakan oleh Pengerusi dan Ketua Marsyal sebelum pertandingan dimulakan. Segala peraturan pertandingan akan diterangkan semasa taklimat tersebut.

## 8. Pertandingan:

### 8.1. Kategori Ambulans Kadet dan Ambulans Dewasa

	Jenis Pertandingan / Ujian	Masa	Markah
a)	Ujian Pakaian Seragam - (25%) Ujian Kawat Kaki - (75%)	10 Minit	50 Markah
b)	Ujian Pertolongan Cemas (Kes Pendek)	10 Minit	100 Markah
c)	Ujian Pertolongan Cemas (Kes Panjang)	15 Minit	150 Markah
		<b>Jumlah</b>	<b>300 Markah</b>
e)	Ujian Bertulis (Hadiah Perseorangan)	60 Minit	100 Markah

### 8.2. Kategori Perawatan Kadet dan Perawatan Dewasa: Masa Markah

	Jenis Pertandingan / Ujian	Masa	Markah
a)	Ujian Pakaian Seragam - (25%) Ujian Kawat Kaki - (75%)	10 Minit	50 Markah
b)	Ujian Pertolongan Cemas (Kes Pendek)	10 Minit	100 Markah
c)	Ujian Perawatan Praktik	15 Minit	150 Markah
		<b>Jumlah</b>	<b>300 Markah</b>
e)	Ujian Bertulis (Hadiah Perseorangan)	60 Minit	100 Markah

#### NOTA:

Pasukan yang memperolehi markah tertinggi dalam satu-satu ujian adalah pemenang ujian berkenaan. Pasukan yang memperolehi jumlah markah keseluruhan tertinggi akan memenangi pertandingan. Sekiranya terdapat dua (2) atau lebih pasukan yang memperolehi markah yang sama, pasukan yang memperolehi markah yang tertinggi dalam Ujian Kes Panjang/Perawatan Praktikal akan dipilih sebagai pemenang.

### 8.3. Ujian Bertulis selama 60 minit mengandungi dua (2) bahagian:

8.3.1. Bahagian A -Soalan-Soalan Objektif

8.3.2. Bahagian B -Soalan-Soalan berdasarkan asas-asas Pertolongan Cemas dan Perawatan.

### 8.4. Kertas Soalan Ujian Bertulis Pertolongan Cemas/Perawatan:

Semua kertas soalan akan dimasukkan dalam sampul surat bermeterai yang berasingan dan diserahkan kepada Ketua Hakim sebelum ujian dimulakan.

(NOTA: -Hakim tidak dibenarkan memberi bantuan atau petunjuk)

### 8.5. Hakim: (Kes Pendek dan Kes Panjang)

8.5.1. Bilangan Hakim akan ditambah sekiranya bilangan mangsa yang tercedera lebih dari seorang.

8.5.2. Hakim berhak menyoal sebab-sebab sesuatu rawatan yang diberikan semasa pertandingan dijalankan dan juga meminta penerangan dari para peserta sekiranya rawatan tertentu tidak dibuat.

8.5.3. Keputusan pihak Hakim adalah muktamad.

## **8.6. AM:**

- 8.6.1. Setiap pasukan dikehendaki menentukan keadaan kemalangan serta memberi rawatan kepada pesakit-pesakit menurut:
  - Kad/Kad-kad arahan yang diberikan kepada Ketua Pasukan.
  - Keterangan yang diberikan oleh Hakim atau pesakit sekiranya pesakit itu sedar.
- 8.6.2. Sebarang arahan oleh seorang Hakim akan diberikan kepada Ketua Pasukan dan sekiranya peserta lain ingin mengetahui arahan-arahan lain, pertanyaan hanya dibuat melalui Ketua Pasukan dalam Bahasa Melayu/Inggeris.
- 8.6.3. Hakim-hakim akan menyoal para peserta berkaitan dengan prosedur yang dilaksanakan tetapi peserta-peserta dilarang meminta bantuan daripada mereka.
- 8.6.4. Semasa pertandingan dijalankan, setiap pasukan akan dikuarantinkan dan dijaga oleh seorang pengiring rasmi. Hanya Ketua Marsyal dan Penolong-Penolong Marsyal sahaja dibenarkan masuk ke kawasan kuarantin.
- 8.6.5. Arahan kawat kaki hendaklah diberi dalam Bahasa Melayu sahaja.
- 8.6.6. Para peserta tidak dibenarkan berkomunikasi dengan sesiapa yang tidak berkenaan semasa pertandingan dijalankan.

## **9. Persolekan Pesakit:**

- 9.1. Satu kumpulan yang terlatih dalam simulasi pesakit akan menyediakan simulasi mangsa/pesakit.
- 9.2. Sekiranya tanda-tanda kecederaan tidak dapat disolekkan seperti kecederaan sebenar, penerangan berkenaan akan diberikan dalam kad arahan atau oleh Hakim semasa ujian dijalankan.

## **10. Kelengkapan Peti Ubat:**

- 10.1. Ujian Pertolongan Cemas (Kes Pendek dan Panjang)
  - 10.1.1. Setiap pasukan ambulans diminta membawa dua (2) peti ubat (satu untuk kes pendek dan satu lagi untuk kes panjang) manakala pasukan perawatan hanya membawa satu peti ubat dengan kandungan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal pertandingan.
  - 10.1.2. Peti-peti ubat ini hendaklah diserahkan oleh Ketua Pasukan kepada Ketua Marsyal pada masa yang akan ditetapkan oleh Ketua Marsyal kemudian.
  - 10.1.3. Peti-peti ubat ini akan diperiksa bersama Ketua Pasukan. Selepas diperiksa, peti ubat dimeterai (sealed) dan akan diserahkan balik kepada Ketua Pasukan oleh Ketua Marsyal sebelum ujian berkenaan dimulakan.
  - 10.1.4. Kelengkapan lain seperti manikin untuk CPR, Cervical Collar, Splint (Tuap) dan Usungan akan disediakan di tempat pertandingan oleh Ketua Marsyal.
  - 10.1.5. Kelengkapan-kelengkapan lain tidak akan dibenarkan.

## **11. Markah:**

- 11.1. Markah akan diberikan mengikut:
  - 11.1.1. Kecekapan dan penelitian dalam penetapan sifat penyakit.
  - 11.1.2. Melakukan dengan betul dan berhasil rawatan yang berpadan.
  - 11.1.3. Kecekapan dan ketangkasan angkat usungan atau lain-lain cara mengangkut.

## **12. Masa:**

- 12.1. Had masa termasuk masa untuk membaca arahan/soalan akan dicetak di atas kad arahan kes-kes pertolongan cemas, perawatan dan kertas bertulis.
- 12.2. Di akhir tempoh had masa yang dibenarkan, semua prosedur hendaklah dihentikan. Markah hanya akan diberikan bagi prosedur yang telah disempurnakan setakat itu.
- 12.3. Loceng amaran akan dibunyikan dua (2) minit sebelum tamat had masa untuk ujian pertolongan cemas dan perawatan dan lima (5) minit untuk ujian kertas bertulis.

## **13. Denda:**

- 13.1. Markah akan dipotong sekiranya didapati tatacara rawatan tidak mengikut peraturan semasa memberi pertolongan cemas/perawatan kepada mangsa/pesakit.

## **14. Kebenaran Iubapa/Penjaga:**

- 14.1. Peguasa / Pegawai Guru Penasihat Divisi diminta untuk mendapatkan kebenaran daripada Iubapa/Penjaga serta Pengarah Maktab/Pengetua/Guru Besar Maktab/Sekolah berkenaan bagi semua peserta yang masih menuntut untuk menghadiri pertandingan.
- 14.2. Walaupun langkah-langkah keselamatan akan diambil oleh pihak penganjur, namun pihak penganjur dan Ibu Pejabat Negeri, St. John Ambulans Malaysia Negeri Pulau Pinang tidak akan bertanggungjawab di atas segala kecederaan, kemalangan atau penyakit yang berjangkit yang berlaku semasa pertandingan dan semasa perjalanan pergi dan balik ke tempat pertandingan.

## **15. Kuasa Pemerintah Negeri:**

- 15.1. Pemerintah Negeri berhak membuat apa-apa perubahan atau pindaan kepada peraturan-peraturan ini setelah berunding dengan Pegawai Berhak yang berkenaan.